



# Penuntut IPT yang jadi keldai akaun mungkin juga mangsa penipuan - KPN

Oleh [Safeek Affendy Razali](#) - Ogos 15, 2024 @ 2:31pm  
[safeek@bh.com.my](mailto:safeek@bh.com.my)

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) turut menjadi mangsa penipuan sehingga akaun bank mereka digunakan pihak sindiket.

Ini kerana kumpulan penuntut ini mudah diperdaya sehingga menjadi sasaran sindiket yang menggunakan pelbagai taktik bagi membolehkan akaun perbankan mereka digunakan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan sebahagian daripada 208,000 pemilik keldai akaun yang terdiri daripada penuntut IPT juga adalah mangsa penipuan.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan mangsa keldai akaun dalam kalangan penuntut IPT turut dijanjikan sesuatu imbuhan sehingga mereka diperdaya.

"Kita (PDRM) percaya penuntut yang dijadikan keldai akaun turut diperdayakan dan mereka bukan secara sukarela memberikan akaun perbankan mereka kepada sindiket.

"Berkemungkinan mereka ini tidak faham dan seterusnya dijadikan keldai akaun," katanya pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Inspektor Kor Sukarelawan Simpanan Polis Siswa Siswi UiTM kali ke-9, di UiTM Shah Alam, hari ini.

Razarudin berkata, paling penting, setiap penuntut mahupun golongan remaja atau belia seharusnya tahu bahawa risiko yang bakal dihadapi apabila akaun perbankan mereka digunakan untuk tujuan salah mahupun jenayah.

Beliau turut menyarankan kepada pelatih-pelatih IPT yang menyertai Kor Sukarelawan Simpanan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) mendalamai ilmu undang-undang supaya menjadi pembimbing dan penasihat kepada setiap rakan-rakan IPT mereka serta masyarakat sekeliling.

"Pelatih-pelatih SUKSIS ini boleh menjadi orang tengah atau pengantara kepada PDRM sendiri dan diharap dapat membantu kita mengatasi sebarang situasi berkaitan isu penggunaan akaun.

"Mereka mungkin boleh menasihatkan penuntut-penuntut lain untuk tidak sewenang-wenangnya untuk tidak berkongsi akaun perbankan peribadi dengan pihak lain terutama mengingatkan padah yang menanti sekiranya akaun digunakan bagi tujuan salah," katanya.

Semalam, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata berdasarkan semakan rekod yang dibuat jabatan berkenaan, pihaknya mengenal pasti 208,000 keldai akaun di negara ini.

Katanya, sebahagian daripada pemilik keldai akaun itu adalah pelajar.

Katanya, pelajar adalah golongan paling mudah terdedah menjadi keldai akaun kerana mempunyai tiga hingga empat akaun.



Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain menghadiri Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Majlis Penyampaian Sijil Pelantikan Inspektor Kor Sukarelawan Simpanan Polis Siswa Siswi UiTM kali ke-9 tahun 2024 di UiTM Shah Alam. Turut hadir, Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib (dua dari kiri). - Foto NSTP/ASYRAF HAMZAH